

11 MAR 1999

Mahkamah - Sun

SAMAN RM100 JUTA: SUN MEDIA KEMUKAKAN PEMBELAAN

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Sun Media Corporation Sdn Bhd hari ini memfailkan kenyataan pembelaan di Mahkamah Tinggi hari ini, berkaitan saman memfitnah RM100 juta yang dikemukakan terhadap mereka oleh bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ia difailkan oleh Messrs V. Siva and Partners kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi, di Wisma Denmark hari ini.

Dalam kenyataan pembelaan, syarikat itu mendakwa perkataan dalam artikel yang didakwa mengandungi fitnah yang dicetak akhbar "The Sun" pada 23 Sept tahun lepas diterbitkan atas hak istimewa.

Ia menyatakan, oleh itu adalah sah di sisi undang-undang, tanggungjawab moral bagi mereka untuk menerbitkan perkataan yang disebutkan, untuk pembaca yang mempunyai minat untuk menerima maklumat seperti itu.

Syarikat itu seterusnya mendakwa tindakannya menerbitkan perkataan-perkataan itu adalah bersesuaian, kerana ia adalah tanggungjawabnya dan juga terdapat minat untuk menerima maklumat tersebut daripada orang ramai.

Sun Media juga menyatakan penerbitan artikel itu adalah isu minat umum dan oleh itu ia harus dilindungi.

Dalam kenyataan pembelaan itu, syarikat itu juga menyertakan teks penuh kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam sidang berita yang diadakan pada 22 Sept tahun lepas, dan juga soalan-soalan yang ditanyakan oleh pemberita.

Syarikat itu mendakwa adalah tanggungjawab Perdana Menteri untuk menjelaskan kepada umum berkaitan pemecatan Anwar, dan tanggungjawab media untuk menyampaikan penjelasan tersebut kepada umum, kerana orang ramai mempunyai minat untuk mendengar penjelasan itu.

Pada 26 Jan lalu, Anwar memfailkan saman terhadap syarikat itu yang didakwa menerbitkan artikel yang bertajuk "Anwar's behaviour despicable" yang dianggap mengandungi fitnah.

-- BERNAMA

JA RI